

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/27(46)

27 Ogos 2023
10 Safar 1445

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7/2023

PEMAKLUMAN PERUBAHAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF AKADEMIK BAGI TAHUN PENILAIAN 2023

Surat Pekeliling Pentadbiran ini adalah bagi memaklumkan perubahan-perubahan berkaitan pelaksanaan penilaian prestasi tahunan bagi Staf Akademik (LPPT) bagi tahun penilaian 2023. Perubahan ini adalah dengan mengambil kira keperluan semasa Universiti serta berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 40/2023 mengenai Penilaian Prestasi Tahun 2023.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 13/2023 pada 8 Ogos 2023 telah meluluskan perubahan bagi penilaian prestasi Staf Akademik (LPPT) tahun 2023 sebagaimana berikut:

- 2.1 Pindaan Kaedah Penilaian Kualiti Pengajaran di bawah Komponen Pengajaran selepas pemansuhan penggunaan *Teaching Excellent System* (TES)
- 2.2 Pemansuhan Komponen Bonus
- 2.3 Pewujudan Komponen CPD

3. Selaras dengan perubahan ini, wajaran terkini LPPT mengikut pilihan Major LPPT adalah seperti berikut:

TERAS	KOMPONEN	MAJOR					LPPT 2023
		Pengajaran	Penyelidikan	Amalan Profesional	Kepimpinan Akademik	DG & SPACE UTM	
UTAMA	Pengajaran	50	20	20	10	75	Nisbah Wajaran Komponen 80%
	Penyelidikan	20	50	10	20	0	
	Kepimpinan Akademik	10	10	5	50	10	
	Khidmat Profesional	5	5	50	5	0	
	JUMLAH	85	85	85	85	85	
UMUM	Penglibatan ATAU lain-lain perkhidmatan	5	5	5	5	5	5%
	Kualiti Peribadi	10	10	10	10	10	10%
	CPD	5	5	5	5	5	5%
							100%

4. Semua Staf Akademik adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai perubahan ini. Maklumat lanjut berkaitan perubahan ini boleh disemak melalui Slaid Penambahbaikan LPPT di laman web Jabatan Pendaftar. Pautan rujukan : [Slaid Penambahbaikan LPPT 2023](#).

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah